

# Konsep Pemindahan Organ Haiwan kepada Manusia: Kajian Perspektif Usul Fiqh, Fatwa, Etika dan Kerohanian

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 186-198  
 © The Author(s) 2024  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 10 February 2024  
 Accepted: 23 February 2024  
 Published: 7 March 2024

## [*The Concept of Transferring Animal Organ to Human: A Study from the Perspectives of Usul Fiqh, Fatwa, Ethics and Spirituality*]

Muhammad Azizan Sabjan,<sup>1</sup> Noor Shakirah Mat Akhir,<sup>2</sup> Roshimah Shamsudin,<sup>2</sup>  
 Muhammad Ikhlas Rosele,<sup>3</sup> Farah Salwani Muda@lsmail<sup>4</sup> & Halipah Hamzah<sup>5</sup>

1. Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA. E-mail: mazizan@usm.my
2. Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA. E-mail: shakirah@usm.my; roshimah@usm.my
3. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA. Email: ikhlas@um.edu.my
4. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA Email: salwani@usim.edu.my
5. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Pulau Pinang, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA. Email: shalipah@uitm.edu.my

\*Corresponding Author: mazizan@usm.my

### Abstrak

Pemindahan organ dan pendermaan dalam konteks Islam telah dibincangkan di kalangan sarjana Islam sejak tahun 1950-an. Al-Quran dan al-Sunnah, yang merupakan sumber utama undang-undang, tidak menangani topik ini secara khusus kerana pemindahan organ adalah kemajuan perubatan yang hanya muncul pada abad ke-20. Oleh itu, pendapat-pendapat yang telah dikeluarkan oleh ulama Islam mengenai pemindahan organ adalah berdasarkan pendekatan fiqh kontemporari yang menangani isu-isu baru yang tidak ada pendapat ulama terdahulu. Hukum pemindahan organ dan pendermaan adalah perlu kerana ia memenuhi tuntutan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu *maqasid al-syar'iyyah*. Pemindahan organ dijalankan untuk rawatan dan merupakan langkah terakhir untuk menyelamatkan nyawa pesakit yang mengalami kegagalan organ peringkat akhir. Keputusan mengenai pemindahan organ adalah berdasarkan fakta bahawa ia dijalankan dalam keadaan mendesak dan merupakan pilihan terakhir yang ada untuk menyelamatkan nyawa pesakit. Fatwa pemindahan organ dari manusia kepada manusia adalah jelas. Namun, isu pemindahan organ atau tisu haiwan khususnya daripada haiwan yang dianggap najis dan haram oleh syarak kepada tubuh manusia memerlukan kajian dan perbincangan yang mendalam. Kertas kerja ini mengupas konsep pemindahan organ haiwan kepada manusia dari sudut usul fiqh, fatwa, etika, dan kerohanian seperti yang digariskan dalam Islam.

**Kata kunci:** organ, usul fiqh, fatwa, etika, kerohanian

### Abstract

*Organ transfer and donation in the Islamic context have been discussed among Islamic scholars since the 1950s. The Qur'an and al-Sunnah, which are the primary sources of law, do not specifically address this topic because organ transplantation is a medical advancement that only emerged in the 20th century. Therefore, the opinions that have been issued by Islamic scholars regarding organ transplantation are based on contemporary fiqh approaches that deal with new issues for which*

*there is no previous scholarly opinion. The organ transfer and donation law is necessary because it fulfills the demands of preserving human life, which is one of the maqasid al-syar'iyyah. Organ transfer is carried out for treatment and is the last resort to save the lives of patients suffering from end-stage organ failure. The ruling on organ transplantation is based on the fact that it is carried out in a state of urgency and is the last option available to save the patient's life. The fatwa on organ transfer from human to human is clear. However, the issue of transferring animal organs or tissues, especially from animals considered unclean and haram by syarak to the human body requires in-depth study and discussion. This paper explores the concept of transferring animal organs to humans from the perspectives of usul fiqh, fatwa, ethics, and spirituality as outlined in Islam.*

**Keywords:** organ, usul fiqh, fatwa, ethics, spirituality.

**Cite This Article:**

Muhammad Azizan Sabjan, Noor Shakirah Mat Akhir, Roshimah Shamsudin, Muhammad Ikhlas Rosele, Farah Salwani Muda@Ismail & Halipah Hamzah. (2024). Konsep Pemindahan Organ Haiwan Kepada Manusia: Kajian Perspektif Usul Fiqh, Fatwa, Etika dan Kerohanian [The Concept of Transferring Animal Organ to Human: A Study from the Perspectives of Usul Fiqh, Fatwa, Ethics and Spirituality]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 186-198.

## Pengenalan

Dalam konteks Islam, hukum mengenai pemindahan dan pendermaan organ tidak dibincangkan secara khusus dalam sumber utama hukum iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana pemindahan dan pendermaan organ merupakan perkembangan perubatan yang bermula pada abad ke-20. Walaupun demikian, para ulama Islam sudah membincangkan perkara ini semenjak tahun 1950-an lagi. Pandangan yang dikeluarkan oleh ulama Islam berkaitan pemindahan organ bersifat *ijtihadi* berdasarkan pendekatan fiqh kontemporari yang bersangkutan dengan hukum masalah baharu yang tidak tercatat pendapat ulama terdahulu. Secara asasnya, hukum pemindahan dan pendermaan organ ialah harus. Ini kerana pemindahan dan pendermaan organ memenuhi tuntutan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu daripada *maqasid al-syar'iyyah*.

Pemindahan organ yang dilakukan bagi tujuan rawatan ialah pilihan terakhir bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang menghidap kegagalan organ peringkat akhir. Kaedah-kaedah fiqh yang diguna pakai dalam hukum pemindahan organ ini berasaskan kepada pemindahan organ ini dilakukan dalam keadaan terdesak dan tiada pilihan, dan keselamatan nyawa pesakit amat bergantung pada pemindahan organ tersebut.

Perkembangan mengenai kaedah rawatan pemindahan organ mula dibincangkan di Malaysia sejak tahun 1960-an lagi. Hasilnya, menerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, fatwa berkenaan pemindahan organ dikeluarkan pada tahun 1970. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ini menjadi rujukan mengenai isu pemindahan dan pendermaan organ di Malaysia, dan diterima pakai di negeri-negeri yang tidak mempunyai fatwa khusus mengenai pendermaan organ. Negeri-negeri yang mempunyai fatwa peringkat negeri mengenai pemindahan dan pendermaan organ ialah Perlis (1965), Sarawak (1996), Selangor (2000), Johor (2001) dan Pulau Pinang (2010) (Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2011). Tegasnya, Majlis Fatwa Kebangsaan

dan Majlis Fatwa Negeri yang berkenaan mengharuskan pemindahan organ tetapi dengan syarat-syarat khas dan terperinci. Tuntasnya, isu pemindahan organ dari manusia kepada manusia sudah jelas hukum, syarat dan operasi standard pelaksanaannya. Perbincangan seterusnya menjurus kepada isu pemindahan organ haiwan kepada manusia. Perspektif pertama yang akan dilihat adalah dari sudut usul fiqh.

## Perspektif Usul Fiqh

Dalam menentukan hukum isu pemindahan organ haiwan kepada manusia ini, beberapa perkara yang perlu diberi perhatian, khususnya dalam mengamati literatur berkaitan. Perkara tersebut adalah:

- a. hukum pemindahan organ manusia
- b. memanfaatkan anggota haiwan termasuk organnya
- c. pemindahan organ haiwan kepada manusia.

Secara umumnya, apabila membahaskan pemindahan organ haiwan kepada manusia, perlu juga diketahui secara dasar apakah kedudukan pemindahan organ manusia. Perbahasan yang mirip adalah berkait memindahkan organ orang yang telah mati (mati otak) kepada manusia hidup. Pada asasnya kebanyakan analisis hukum mengharuskan pendermaan organ dalam keadaan tersebut, hal ini berasaskan hujah *darurah* (keperluan mendesak), wujudnya kemudaratan dan menjamin kemaslahatan (Hamdan, M. N. dan Ramli, M. A. 2018). Namun tidak dinafikan juga bahawa terdapat pandangan yang menolak keharusan pemindahan organ ini (Abbas, M., Kiani, M., Ahmadi, M. & Salehi, B. 2018) atas alasan mengubah ciptaan Allah (*taghyir khalqillah*) atau kemuliaan insan. Secara kolektifnya, pemindahan organ manusia adalah diharuskan (Islam, T. 2021; Albar, M. 2012; Athar, S. 2015)

Setelah menerima konsep pemindahan organ khususnya dari aspek yang lebih utama iaitu pemindahan organ manusia, maka perbincangan selanjutnya boleh ditelusuri iaitu pemindahan organ haiwan kepada manusia. Dalam aspek ini, adalah sebaiknya jika difahami apakah kedudukan haiwan dari aspek kepenggunaannya kepada manusia. Secara umumnya, hal ini dapat difahami daripada firman Allah SWT:

**هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا**

Maksudnya: Dialah Allah, yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu (Surah al-Baqarah, 2: 29)

Al-Qurtubi (2006) menerangkan bahawa ayat ini menjelaskan bahawa setiap apa yang berada di muka bumi ini boleh dinikmati dan ia adalah milik manusia. Justeru, ayat ini juga menjadi petunjuk bahawa asal bagi setiap sesuatu yang bermanfaat adalah harus untuk dimanfaatkan. Al-Baghawi (1989) juga menjelaskan perihal yang sama iaitu setiap apa yang berada di atas muka bumi ini boleh dimanfaatkan. Perbincangan ayat ini selari dengan firman Allah SWT:

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَكَبَّرُونَ

Maksudnya: Dan Dia telah menundukkan untukmu apa yang di langit dan apa yang di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripada-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berfikir. (Surah al-Jathiyah, 45; 13)

Al-Tabari (1994) menjelaskan bahawa diciptakan segala yang berada di langit seperti matahari, bulan dan bintang, juga yang berada di bumi seperti binatang, pokok, gunung, batuan dan kapal adalah untuk kemaslahatan manusia dan untuk dimanfaatkan. Al-Sa'di (2002) menerangkan bahawa segala apa yang diciptakan di langit dan di bumi termasuk haiwan-haiwan adalah untuk kemaslahatan manusia dan untuk memenuhi keperluan mereka, justeru adalah mesti bagi manusia itu menggunakan dan memanfaatkannya sebagai tanda syukur kepada Allah dan sebagai tanda *tadabbur* ayat tersebut.

Kesimpulan daripada ayat ini dapat dinyatakan bahawa haiwan diciptakan secara asasnya adalah untuk dimanfaatkan dalam pelbagai bentuk. Oleh itu, ia boleh dijadikan dalil umum dalam membincangkan isu pemindahan organ haiwan kepada manusia, kerana pemindahan organ adalah salah satu cara memanfaatkan haiwan. Akan tetapi, Islam juga menggariskan batas yang perlu dipatuhi dalam aspek memanfaatkan haiwan, iaitu tidak melibatkan haiwan yang diharamkan untuk dimakan seperti khinzir. Perkara ini selaras dengan kefahaman apabila diharamkan memakan sesuatu ia juga bermaksud haram untuk mengambil manfaat daripadanya (Al -‘Ayni, Badr al-Din 2001).

Perinciannya, Ibn Qudamah (1997) menjelaskan bahawa;

“Adalah tidak harus berubat dengan perkara yang haram, dan tidak harus juga dengan sesuatu yang terkandung perkara yang haram seperti susu keldai, daging daripada binatang yang haram, dan tidak boleh meminum arak untuk berubat dengannya, berasaskan sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya Allah tidak menjadikan ubat ummatku daripada perkara yang haram”, dan ketika mana Nabi SAW diberitahu berkenaan satu perahan yang memabukkan untuk dijadikan ubat, maka Baginda SAW bersabda; “sesungguhnya ia bukanlah ubat akan tetapi ia adalah penyakit”.

Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-80, 2008 berkenaan “Garis Panduan Penggunaan Tulang, Tanduk, Gigi dan Kuku Untuk Dijadikan Barang Gunaan dan Perhiasan” memutuskan bahawa;

“Tulang, tanduk, paruh, gigi dan kuku haiwan yang halal dimakan dan diambil setelah mati kerana sembelih menurut syarak adalah suci dan boleh dimanfaatkan”.

Justeru itu, perbincangan ini menjadi premis utama dalam membahaskan kedudukan hukum pemindahan organ haiwan kepada manusia. Selanjutnya adalah perbincangan mengenai

pemindahan organ haiwan kepada manusia menurut perspektif hukum Islam. Secara asasnya terdapat beberapa kajian telah menyentuh isu ini yang mencakupi perbincangan pemindahan organ khinzir kepada manusia dan perspektif Islam terhadap *xenotransplantation*.

Dayan, Ali, Asad & Sial (2020) membincangkan mengenai keperluan *xenotransplantation* dengan melihat perspektif perundangan dan etika Islam. Kajian mendapati *xenotransplantation* adalah dibenarkan jika terdapat keperluan mendesak dan ia dilarang dalam keadaan biasa (tiada keperluan mendesak). Begitu juga Haddow (2021) dalam antara perbincangannya menyatakan bahawa *xenotransplantation* yang melibatkan organ khinzir (binatang najis) tidak diterima oleh orang Islam. Perbincangan yang sama daripada Butt (t.t.), Padela & Duivenbode (2018) dan Albar (2012), menyimpulkan keharusan pemindahan organ haiwan yang suci kepada manusia dan melarang pemindahan organ haiwan yang najis kepada manusia kecuali keadaan yang mendesak dan tidak ada alternatif yang suci mengantikannya.

Rosele, et al., (2016) juga membincangkan mengenai *xenotransplantation* ini, namun dari sudut pemindahan *stem cell*. Kajian beliau menjelaskan terdapat beberapa isu perubatan yang masih diperdebatkan, isu-isu tersebut juga mungkin perlu dipertimbangkan dalam pemindahan organ. Isu-isu tersebut adalah;

1. Halangan sistem imun badan (penolakan) kerana wujudnya perbezaan sistem imun antara manusia dan haiwan.
2. Transmisi penyakit berjangkit.
3. Jangka hayat semulajadi yang berbeza antara dua sepsis
4. Perubahan kepada DNA manusia.
5. Kualiti dan penghasilan produk yang tidak dapat ditentukan.

Oleh kerana itulah ijтиhad dalam isu ini perlu mengambil kira kajian-kajian perubatan yang diperlukan sehingga dapat memberikan penyelesaian yang memuaskan.

Jika ditelusuri dalam karya fiqh pula, terdapat beberapa kes yang mempunyai petanda keharusan penggunaan anggota haiwan untuk tujuan perubatan. Al-Nawawi (t.t.) menjelaskan:

**إذا انكسر عظمٌ فينبغي أن يجبره بعظمٍ ظاهر**

Maksudnya: Sekiranya patang tulangnya adalah harus untuk menampungnya dengan tulang yang bersih.

Dalam *al-Fatawa al-Hindiyyah* oleh al-Humam (2000) juga dicatatkan perihal yang hampir sama iaitu:

**لَا يَأْسُ بِالنَّدَاوِي بِالْعَظْمِ إِذَا كَانَ عَظْمُ شَاةٍ أَوْ بَقَرَةٍ، أَوْ بَعِيرٍ، أَوْ فَرْسٍ، أَوْ غَيْرِهِ مِنَ الدَّوَابِ إِلَّا عَظْمُ الْخَنْزِيرِ**

Maksudnya: “tidak mengapa berubat dengan tulang jika ianya adalah tulang biri-biri, lembu, unta atau kuda, ataupun selainnya daripada binatang kecuali tulang babi.

Kemudian, al-Rawayani (2009) menjelaskan di dalam kitabnya *Bahr al-Madhab*:

Sekiranya hancur tulangnya – tulang manusia – maka dia ingin menampungnya (menampalnya atau menggantinya) dengan tulang maka perlu diperhatikan. Jika dia menampalnya dengan tulang yang suci, iaitu tulang binatang yang halal dimakan dagingnya dan telah disembelih, maka hukumnya harus. Begitu juga jika tercabut giginya, maka dia menggantikan giginya itu dengan gigi haiwan yang halal dimakan dan telah disembelih juga harus hukumnya. Namun, jika dia ingin menggantikan tulangnya dengan tulang yang najis, iaitu Namun, jika dia ingin menggantikan tulangnya dengan tulang yang najis, iaitu tulang anjing, tulang babi atau tulang bangkai, perkara ini tidak terkeluar dari dua keadaan, iaitu jika dia berada dalam keadaan darurah ataupun tidak. Jika dia berada dalam keadaan darurah (keperluan mendesak) kemudian tidak mendapati sesuatu yang halal untuk digunakan, maka hukumnya harus, kerana dia berada dalam keadaan darurah seperti hukum memakan bangkai. Akan tetapi jika dia tidak berada dalam keadaan tersebut tidak diharuskan untuk menampalnya dengan tulang yang najis.

‘Amir Sa’id menyatakan bahawa dalam pemindahan organ terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi, khususnya apabila melibatkan pemindahan organ haiwan kepada manusia. Syarat-syarat yang beliau gariskan adalah:

1. Hendaklah pemindahan tersebut dilakukan melalui pendermaan bukannya jual beli
2. Pemindahan tersebut tidak memberi kesan buruk kepada penderma
3. Sekiranya mendapat kesukaran mendapatkan organ manusia untuk dipindahkan, adalah dibolehkan untuk memindahkan organ haiwan yang suci.
4. Sekiranya terdapat kesukaran mendapatkan organ haiwan suci maka dibolehkan memindahkan organ haiwan najis disebabkan keperluan mendesak atau *darurah* (Masrawy.com 2021).

## Perspektif Fatwa dalam dan Luar Negara

Prinsip asal pemindahan organ yang melibatkan manusia-haiwan adalah harus. Namun, hukumnya boleh berubah kepada haram sekiranya melibatkan haiwan najis seperti anjing dan babi. Seterusnya, dari segi penggunaan anggota badan, organ atau tisu haiwan, sekiranya haiwan tersebut dimakan secara sah dan disembelih mengikut undang-undang, ia tidak mendorong masalah kerana bahan-bahan tersebut tidak dianggap najis. Namun jika bahan tersebut diambil daripada binatang yang halal tetapi tidak disembelih (bangkai), maka terdapat perbezaan pendapat mengenainya.

Menurut pandangan mazhab Hanafi, anggota atau bahagian badan daripada bangkai haiwan berupa benda keras yang tidak mempunyai aliran darah seperti tulang, tanduk, gigi, kuku, gading dan sebagainya tidak najis. Alasan yang diberikan ialah ‘ilah kenajisan anggota atau bahagian bangkai adalah disebabkan wujudnya kotoran-kotoran cecair seperti darah dan

lendir-lendir yang ada pada anggota tersebut. Manakala anggota badan atau bahagian badan haiwan yang berupa benda keras tidak mempunyai kotoran. Manakala dari sisi mazhab Syafi'i dan jumhur ulama, semua bahagian bangkai adalah najis termasuk benda keras.

Berdasarkan pandangan mazhab Hanafi, penggunaan mana-mana anggota badan atau bahagian bangkai haiwan dan benda-benda keras sebagai pengganti bahagian tertentu tubuh manusia adalah dibenarkan tanpa dihadkan oleh darurat. Malah ulama Hanafi secara terbuka menghalalkan penggunaan ini dalam ungkapan mereka. Manakala, penggunaan bangkai haiwan daripada benda keras dalam mazhab Syafi'i mestilah terhad kepada keadaan darurat atau hajat. (Muda, Z. & Omar, N. 2003).

Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, Mantan Mufti Wilayah Persekutuan ada bahasannya mengenai hal ini:

Prinsip asas pemindahan organ yang melibatkan manusia dan haiwan adalah dilarang menggunakan najis untuk ubat jika terdapat bahan suci. Bahan najis boleh digunakan jika ia adalah keperluan yang mendesak dan tiada bahan suci boleh digunakan. Asas pengharaman daging babi adalah jelas dari sisi syariah sebagaimana firman-Nya:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَكَ بِهِ لَغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطَرَ عَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادَ فَلَا إِثْمٌ  
عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah al-Baqarah 2: 173)

Kebanyakan ayat yang berkaitan dengan khinzir yang terkandung di dalam al-Quran menjelaskan bahawa khinzir adalah haiwan yang diharamkan Allah dimanfaatkan menggunakan perkataan “haram”. Namun, pada akhir ayat berkenaan khinzir seperti surah al-Baqarah, al-Ma’idah, al-Nahl dan al-An’am diikuti dengan ayat seterusnya yang membenarkan penggunaan khinzir dalam keadaan tertentu seperti di penghujungnya ayat 173 daripada surah al-Baqarah di atas. Ayat ini boleh ditafsirkan dalam dua keadaan.

Pertama, pengharaman khinzir sebagaimana yang ditafsirkan oleh Ibn Kathir, al-Qurtubi, al-Baghawi, al-Samarqandi, al-Zamakhshari, Ibn Atiyyah dan al-Sya’rawi. Kebanyakan ulama ini membuat kesimpulan bahawa khinzir adalah makhluk ciptaan Allah yang mempunyai manfaat tersendiri. Namun, ia adalah najis mughallazah dan dilarang dalam Islam. Pengharaman khinzir ditarik balik apabila orang ramai berada dalam situasi *darurah* yang memerlukan mereka menggunakan khinzir dalam kadar masa yang sesingkat mungkin. Tambahan pula, khinzir yang dicipta itu ada tujuannya. Salah satu matlamat yang digariskan oleh para ulama adalah untuk menguji manusia dan memudahkan keperluan mereka ketika dalam keadaan genting. Kedua, pengakhiran ayat yang membenarkan pengambilan khinzir khas dalam keadaan *darurah* (Rahman, N. N. A. & Mohamad, M. A. 2016). Sabda Rasulullah SAW:

"إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ الْخَمْرَ وَتِلْمِنَهَا، وَحَرَمَ الْمَيْتَةَ وَتِلْمِنَهَا، وَحَرَمَ الْخِنْزِيرَ وَتِلْمِنَهُ"

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan arak dan harganya, mengharamkan bangkai dan harganya, serta mengharamkan khinzir dan harganya. (Abu Dawud 2009).

Para ulama bersepakat tentang larangan menggunakan najis sebagai ubat tetapi berbeza pendapat tentang keperluannya kerana darurat. Bagi mazhab Syafi'i, penggunaan tulang yang dianggap najis adalah tidak dibenarkan kecuali dalam keadaan yang sangat mendesak dan tidak ada alternatif lain selain daripada tulang yang suci.

Al-Nawawi berkata: *Jika tulangnya patah, maka perlu disambungkan dengan tulang yang suci.* Ulama Syafi'i berkata, 'Tidak boleh menyambungkannya dengan najis selagi mampu untuk mencari yang suci. Jika disambungkan dengan najis disebabkan keperluan, dan yang suci tidak ditemui, dikira uzur (maaf). Jika dia tidak memerlukannya atau mendapati tulang yang suci [tetapi masih memilih tulang yang najis], maka itu dikira dosa dan mesti membuang tulang itu [dengan menukar tulang yang suci] jika dia tidak memudaratkan dirinya sendiri (Hamdan, M. N. dan Ramli, M. A. 2018).

*Majma' al-Fiqh al-Islami Rabitat al-'Alam al-Islami* yang bersidang pada 28 Rabi' al-Akhir hingga 7 Jamadil Awwal 1405H telah memutuskan pemindahan organ haiwan kepada manusia mestilah daripada haiwan yang boleh dimakan dan disembelih. dengan cara yang syar'i sahaja. Selain daripada itu, ia hanya dibenarkan sekiranya berlaku darurat.

Perkara ini turut ditegaskan oleh Syeikh 'Atiyyah Saqar, bekas Mufti Republik Arab Mesir dalam fatwanya bertarikh Mei 1997 mengenai persoalan: "Sekiranya tulang seseorang itu patah dan tiada tulang ditemui melainkan tulang binatang yang dianggap najis, bolehkah mereka bersambung dengannya"? Pandangan yang sama turut diutarakan oleh Sheikh Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq, bekas Mufti Mesir pada 5 Disember 1979 dalam fatwanya.

Apabila berlaku pertembungan antara larangan dan *mudharat*, kaedah fiqh ini perlu diambil kira: "Apabila dua mafsadah bertembung, maka kerugian yang paling besar dipertahankan (ditolak) dengan sedikit kerosakan."

Syaikh Mustafa Al-Zarqa berkata: "[Yang dimaksudkan dengan] merayakan paling berat di antara keduanya ialah meninggalkannya. Kerana, mafsadah disambut dengan ingkar sebagaimana maslahah disambut dengan melakukannya." Syeikh Muhammad bin Muhammad al-Mukhtar al-Syinqiti menetapkan dua syarat pemindahan organ najis haiwan, iaitu:

- Pesakit memerlukan pemindahan organ najis haiwan, dan keperluannya disahkan oleh doktor.
- Tiada alternatif kepada organ suci.

Majlis Akademi Perundungan Islam Liga Muslim Sedunia, Mekah pada mesyuarat kerja ke-4 (1985) telah memutuskan bahawa mengikut syarak dibenarkan pemindahan organ haiwan yang disembelih mengikut prosedur Islam atau organ haiwan yang dilarang. untuk dimakan pada tubuh manusia jika terdapat keadaan mendesak. Resolusi mengenai *heterotransplantasi* ini juga telah diterima pakai oleh Akademi Fiqh Islam India pada seminar fiqh pertamanya di Delhi pada Mac 1989. (Nazarli, E. 2010).

Penanaman tisu/organ tanaman yang diambil daripada haiwan yang tidak najis/halal mahupun yang najis/haram. Dalam kes *implan* tisu/organ yang diambil daripada badan haiwan, terbahagi kepada dua kes iaitu:

*Kes Pertama:* Haiwan tersebut tidak najis/halal seperti haiwan ternakan (lembu, kerbau, kambing). Penggunaan organ haiwan jenis ini untuk tujuan perubatan, tidak menjadi masalah. Dari satu segi, boleh dilakukan dengan syarat diambil organ selepas haiwan penderma disembelih secara syar'i. Dalam hal ini tidak ada larangan malah dibenarkan dan ia termasuk dalam kategori perubatan yang diperintahkan oleh Rasulullah untuk mencarinya bagi pesakit.

*Kes Kedua:* Haiwan itu najis/haram. Dalam kes ini ia tidak dibenarkan kecuali dalam keadaan yang benar-benar darurat. dan tiada pilihan lain.

Kemudian tentang haiwan yang hukumnya jelas dilarang oleh syarak seperti khinzir. Menurut al-Quran larangan ini terhad kepada memakannya dan inilah yang disepakati ulama. Berkenaan penggunaan organ khinzir bukan untuk dimakan tetapi untuk tujuan perubatan contohnya, ulama berbeza pendapat. Jumhur ulama mengharamkannya dengan alasan daging khinzir itu najis, sedangkan rawatan dengan hukum najis adalah haram. Pendapat ini berdasarkan *athar* daripada Ibn Mas'ud:

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Allah tidak menjadikan penawar bagi kamu semua sesuatu yang diharamkan ke atas kamu semua (Al-Bukhari 2000).

Namun, sebahagian ulama lain membenarkan rawatan dengan najis. Nabi memberikan penggunaan bulu khinzir sebagai alat pengikat (seperti benang/tali) apabila salah seorang sahabat bertanya tentang masalah ini. Mengenai hadis di atas, menurut golongan ulama kedua, ia dibatasi oleh keadaan darurat. Ini bermakna dalam keadaan *darurah*, rawatan dengan najis dibenarkan.

Syafi'i berpendapat boleh bagi seseorang menyambung tulangnya dengan benda najis, jika tidak ada benda lain yang setara atau lebih berkesan. Jadi, khinzir hanya dibenarkan jika tiada organ lain yang boleh menandinginya. Menurut mazhab Hanafiyah, berubat dengan barang haram tidak dibenarkan. Sesungguhnya terdapat hadith yang melarangnya iaitu: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan bagi kamu ubat bagi sesuatu yang haram." Namun, menurut mereka, jika diyakini mengandungi ubat dan tiada ubat lain, maka ianya dibolehkan. Daripada dua pendapat di atas, pemindahan menggunakan organ khinzir diharuskan. Keharusan ini, boleh diberikan selagi tiada objek lain yang setara atau lebih berkesan.

Namun, Ibn Hajar mensyaratkan bahawa penerima mestilah seorang yang maksum. Maksudnya, dia mestilah seorang Islam, bukan murtad atau kafir. Kerana taraf mereka (kafir, murtad) disamakan dengan binatang. Sedangkan al-Ramli, al-Asnawi dan al-Subki tidak mensyaratkan maksum, kerana orang maksum juga adalah manusia yang dimuliakan. Bukankah semua manusia yang diciptakan Allah mesti dilindungi keberadaannya (Mubarrioh, N. 2021).

## Perspektif Etika dan Kerohanian

Walaupun pemindahan organ adalah dibolehkan namun Islam sebagai agama fitrah dan al-din tetap mementingkan aspek etika atau kerohanian dalam aspek ini. Antara ciri-ciri etika dan kerohanian yang dapat difahami dalam keharusan ini ialah:

1. Pemindahan organ dibenarkan bagi memenuhi tuntutan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu daripada tuntutan *Maqasid al-Syariah* (Objektif Syariah). Namun kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma atau dari kaum keluarga sebelum pemindahan dilakukan. Ini untuk mengelakkan salah faham dan isu berbangkit. Juga untuk memastikan proses pemindahan organ tidak dicemari dengan isu-isu negatif.
2. Kesediaan penderma untuk menderma juga sebenarnya didorong oleh aspek spiritual dan kemanusiaan. Ini dapat kenal pasti dari kajian yang telah dijalankan di Itali (Annali di Igiene 2021).
3. Pendermaan organ adalah sesuatu yang sangat indah yang mana ahli keluarga berniat baik menggantikan kesedihan yang sedang dirasai oleh pihak lain dengan sesuatu yang boleh dibanggakan termasuk juga oleh si mati. Oleh itu keharusan menderma organ membuktikan ajaran Islam adalah indah. Hal yang sama turut diakui oleh Penyelaras Unit Bank Tisu, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Suzina Sheikh Abdul Hamid. Menurut beliau pendermaan organ dan tisu adalah satu amalan kemanusiaan yang mulia kerana berjaya menyelamatkan satu nyawa dan memberi nafas baharu yang lebih sempurna kepada penerimanya dengan izin Allah (Doktor USM 2022).
4. Pendermaan organ kepada pihak yang memerlukan boleh membantu pihak yang menerima untuk kelangsungan hidup dan meningkatkan kualiti hidupnya. Ini sebenarnya juga membantu mengelakkan kerugian modal insan keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu derma organ mempunyai signifikan sosial yang besar.
5. Menderma organ adalah merupakan peluang penderma untuk berbuat bakti kepada ahli keluarga atau sesama manusia. Menderma organ merupakan amalan sedekah yang utama kerana ia berkaitan dengan nyawa.
6. Aspek etika amat ditekankan dalam proses menderma organ. Sebagai contoh jika penderma masih hidup tidak semua organ yang dimiliki boleh didermakan sewenang-wenangnya. Bakal penderma perlu menghadiri sesi kaunseling bagi memastikan beliau benar-benar faham tentang risiko pendermaan dan beliau juga akan dinilai dari aspek sosio-ekonomi. Kesemua proses ini adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia.
7. Pendermaan perlu dilakukan dengan ikhlas tanpa paksaan atau melibatkan sebarang bayaran. Penderma diberi peluang untuk menarik balik keputusannya untuk menderma sekiranya bertukar fikiran. Pendermaan semasa hidup tidak dibenarkan dari kalangan kanak-kanak di bawah umur atau daripada individu kurang upaya mental melainkan untuk pendermaan sum-sum tulang. Ini juga untuk menjaga maslahah manusia.
8. Pendermaan organ juga mempunyai banyak kelebihan rohani yang tidak disedari oleh ramai orang. Organ yang didermakan bakal menjadi saham akhirat sekiranya penerima

- organ tersebut meneruskan bakti mereka kepada agama.
9. Setiap gerak laku ibadah seperti solat, zakat, puasa, haji, bakti kepada negara dan sebagainya pasti membawa saham kepada penerimanya kerana tanpa bantuan organ yang disumbangkan, pesakit tidak akan mampu meneruskan hidup mereka secara sempurna ibadahnya.
  10. Sedekah dan pendermaan menurut Islam tidak membezakan agama. Islam tidak membataskan agama dalam isu sedekah. Jika bantuan diberikan kepada bukan Islam, ini dapat memperbetulkan pelbagai salah faham mengenai Islam dan menjadi strategi yang baik dalam usaha dakwah.
  11. Orang yang terbantut hajat sedekahnya perlu memahami hak Allah dalam memberikan hidayah. Pada penilaian Allah SWT, penderma akan mendapat pahala amalannya tetapi tidak akan menanggung dosa penerima sedekahnya walaupun penerima sedekah menggunakan sedekahnya untuk menderhakai Allah. Dengan kefahaman begini, kebajikan akan tersebar dan Islam bertambah cantik pada mata semua tanpa mengira agama (Abdullah Bukhari Abdul Rahim 2022). Aspek etika dan kerohanian pendermaan organ sememangnya dibincangkan, bukan hanya dalam konteks agama Islam, namun agama-agama selain dari Islam. Begitu juga dari aspek etika dan nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu isu etika dan kerohanian berkaitan dengan pendermaan organ adalah bersifat universal. Islam sebagai al-din sudah tentu tidak mengabaikan aspek ini, yang memperlihatkan kesyumulan dan keindahan Islam itu sendiri.

## Kesimpulan

Hasil perbahasan dan perbincangan yang dilontarkan di atas dapat dirumuskan bahawa konsep pemindahan organ haiwan lebih-lebih lagi organ haiwan haram kepada manusia adalah dibenarkan syarak. Darurat dan tiada pilihan lain merupakan asas utama pertimbangan syarak dalam hal ini. Dalam konteks penggunaan organ haiwan terutamanya organ haiwan haram terhadap manusia, parameter halal-haram berikut boleh dijadikan sebagai panduan.

- a. Halal: Biar apa pun keadaan perubatan adalah menjadi kewajipan untuk mencari organ daripada haiwan yang halal. Haiwan halal tersebut perlulah disembelih mengikut syarak dan barulah organnya diambil untuk perubatan. Dalam erti kata lain, pastikan organ haiwan yang diambil itu ialah daripada haiwan halal yang telah disembelih secara syarak.
- b. Haram *Mukhtalaf Fih* (Khilaf Ringan): Haiwan dalam kategori ini ialah seperti buaya, zirafah, tupai pemakan daging dan sebagainya. Menurut mazhab Maliki dan Hambali, buaya boleh ditembak dan dimakan. Menurut pandangan mazhab al-Shafie, sekiranya ketidaaan organ haiwan halal yang bersesuaian, dibolehkan menggunakan organ haiwan kategori haram khilaf ringan ini dengan syarat ia disembelih secara syarak terlebih dahulu.
- c. Haram *Mukhtalaf Fih* (Khilaf Separa Berat): Haiwan dalam kategori ini ialah anjing. Dalam mazhab Maliki ada *qaul* yang mengatakan anjing kampung boleh disembelih dan dimakan. Dalam konteks penggunaan organ anjing, hukum penggunaannya seperti penjelasan terdahulu. Sekiranya ketidaaan organ haiwan yang halal dan organ haiwan

- berstatus khilaf ringan, maka dibolehkan penggunaan organ haiwan anjing.
- d. Haram *Muttafaq Alayh* (Haram Secara Ijmak): haiwan dalam kategori ini ialah babi. Sekiranya dalam situasi darurat dan tidak ada pilihan organ haiwan lain, atau dalam kes tersebut hanya organ daripada babi sahaja yang sesuai digunakan untuk menyelamatkan nyawa pesakit, maka diharuskan penggunaan organ daripada babi.

Tuntasnya, kajian penggunaan organ haiwan berstatus halal dan haram kepada manusia perlu diperdalamkan bukan setakat kepada penggunaan organ sahaja tetapi boleh juga diperhalusi kepada penggunaan kulit, darah, usus, bulu dan najis. Adakah dibolehkan penggunaan elemen-elemen daripada haiwan berstatus halal atau haram ini dalam konteks perubatan untuk menyelamatkan nyawa manusia. Yang pastinya sekiranya nyawa pesakit sudah terancam dan tiada alternatif lain melainkan terpaksa dilakukan pemindahan organ haiwan biar pun haram, hal ini adalah dibenarkan syarak atas parameter darurat.

## Penghargaan

Rakaman terima kasih diucapkan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, yang telah memberi dana dan kepercayaan kepada para penyelidik untuk menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Abbasi, M., Kiani, M., Ahmadi, M. & Salehi, B. 2018. Knowledge And Ethical Issues in Organ Transplantation and Organ Donation: Perspectives from Iranian Health Personnel. *Annals Of Transplantation*. 23: 292–99
- Albar, M. 2012. Organ Transplantation: A Sunni Islamic Perspective. *Saudi J Kidney Dis Transpl.*, 23(4): 817-822.
- Annali di Igiene: *Medicina Preventiva e di Comunità* · January 2021.
- Athar, S. 2015. A Gift of Life: An Islamic Perspective in Organ Donation and Transplantation. *J Transplant Technol Res*, 5(1): 1-4.
- Al-'Ayni, Badr al-Din. 2001. 'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, Hussayn bin Mas'ud. 1989. *Ma'alim al-Tanzil*. Riyad: Dar Tayyibah.
- Butt, M. Z. (t.t.). Organ Donation and Transplantation in Islam, An Opinion. <https://nhsbtbe.blob.core.windows.net/umbraco-assets-corp/16300/organ-donation-fatwa.pdf>. Akses 15 Julai 2022.
- Dayan, A., Ali, B., Asad, M. & Sial, A. Q. 2020. The Application of Necessity to Xenotransplantation: Constitutional & Islamic Bioethical Perspective. *Ilkogretim Online - Elementary Education Online*, 19 (2):1246-1253.
- Doktor USM di Radio /index.php/news-media/95-doktor-usm-di-radio.
- Haddow, G. 2021. 'Dirty Pigs' and the Xenotransplantation Paradox. *Med Humanities*, 0: 1-8. doi:10.1136/medhum-2021-012187

- Hamdan, M. N. dan Ramli, M. A. 2018. Taghyir Khalqillah Dan Transplan Anggota Badan Atau Organ: Analisis Terhadap Resolusi Dan Fatwa Badan Fatwa Terpilih dalam Zahari Mahad Musa dan Dina Imam Supaat (eds.), *Isu-Isu Semasa Islam dan Sains*, Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM. 509-520.
- <http://derma-organ.blogspot.com/2016/06/>
- Al-Humam. 2000. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Muhammad. 1997. *Al-Mughni*. Al-Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- Islam, T. 2021. Organ Donation in Islam: A Search for a Broader Quranic Perspective. *Religions* 12: 647.
- Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2011). *Pemindahan Organ Dari Perspektif Islam*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Masrawy.com. 2021. *Ra'is Lajnah al-Fatwa bi al-Azhar: al-I'timad 'ala A'da' al-Haywanat al-Najasah Yakun li al-Darurah li Inqadh Hayah al-Insan*. <https://bit.ly/3o1LQjk>. Akses 15 Julai 2022.
- Muda, Z. & Omar, N. 2003. "Pemakaian Organ dan Tisu Binatang: Kesannya Terhadap Ibadat Solat." *Jurnal Syariah*, 11:2, 2003: 99-108.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (t.t.). *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Nazarli, E. 2010. *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Xenotransplantasi Organ Babi ke Manusia*. Disertasi Sarjana Syariah. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Padela A. I., Duivenbode R. 2018. The Ethics of Organ Donation, Donation After Circulatory Determination of Death, and Xenotransplantation from an Islamic Perspective. *Xenotransplantation*, 25(3): 1-12.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Mu'asasah al-Risalah.
- Rahman, N. N. A. & Mohamad, M. A. 2016. "Xenotransplantasi Unsur Khinzir sebagai Medium Terapeutik Menurut Perspektif Islam dan Saintifik." *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 9 (2016): 113-134.
- Al-Rawayani, 'Abd al-Wahid bin Isma'il. 2009. *Bahr al-Madhab fi Furu' al-Madhab al-Syafi'iyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rosele, M. I., Md Ariffin, M. F., Ramli, M. R. & Isamail, M. Z. 2016. Pendekatan Ijtihad Kontemporeri Dalam Isu Semasa di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 13(1): 53-66.
- Al-Sa'di, 'Abd al-Rahman Nasir. 2002. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Tabari. 1994. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Quran*. Bayrut: Mu'asasah al-Risalah.